

Mudahkan kerja pemungggahan

Jeti kargo Jabatan Laut RM7.72 juta di Kuala Rompin siap 29 April lalu

>>Oleh Asrol Awang
am@hinet.com.my

ROMPIN: Jeti kargo Jabatan Laut bernilai RM7.72 juta di Kuala Rompin, di sini, yang siap pada 29 April lalu mampu memudahkan kerja pemungggahan barang kargo ke Pulau Tioman dan pulau berdekatan.

Ketua Pengarah Jabatan Laut, Datuk Kapten Ahmad Othman, berkata jeti bukan saja melancarkan operasi pemungggahan barang kargo dengan lebih sistematik, malah turut memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

Katanya, pembinaan jeti kargo itu berikutan jeti lama terlalu uzur dan tidak berupaya menampung kerja pemungggahan barang.

"Menerusi peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9), Jabatan Laut melalui Kementerian Pengangkutan meluluskan projek pembinaan jeti kargo ini.

"Bukan saja jeti ini membantu menggalakkan per-



TINJAU...
Ahmad (tengah) diberi penerangan ketika melawat Jeti Kargo di Kuala Rompin, semalam.

tumbuhan ekonomi di sini, malah memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat, sekali gus meningkatkan taraf hidup," katanya.

Beliau berkata selepas majlis menandatangani dan penyerahan sijil siap kerja projek pembinaan Jeti Kargo di Kuala Rompin, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Laut Wilayah Timur, Rashid Musa dan Pengarah Urusan Prinsip Empayar (M)

Sdn Bhd (Prinsip Empayar).

Mengulas kos pembinaan yang meningkat sekali ganda berbanding peruntukan asal RM3.95 juta, Ahmad berkata, kenaikan harga bahan api dan besi tahun lalu, menyebabkan peruntukan itu bertambah.

Bagaimanapun, katanya, pihaknya berbangga dengan pencapaian dan hasil kerja yang dilaksanakan Prinsip Empayar yang berjaya me-

nyiapkannya lebih awal dari tarikh asal pada 18 Mei lalu.

"Walaupun sepanjang tempoh pembinaan kontraktor menghadapi pelbagai masalah terutama kenaikan harga bahan mentah termasuk mengubah reka bentuk jeti, mereka mampu mengatasinya.

"Kita harap jeti ini memudahkan kerja pemungggahan barang sebelum dihantar ke Pulau Tioman serta pulau berdekatan," katanya.